



KERTAS KERJA MERENTAS DESA SMK(P) PUDU 2019

KELOLAAN SMK(PEREMPUAN) PUDU

1.0 PENDAHULUAN

Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi tumpuan ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Bidang sukan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan modal insan yang sihat, cergas dan produktif agar dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi negara. Justeru, Program Merentas Desa Pringkat Sekolah Tahun 2019 diadakan di Taman Pudu Ulu bagi menarik minat murid-murid agar mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif.

2.0 MATLAMAT

Dalam jangka masa panjang, Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) berhasrat membangunkan modal insan melalui penyertaan yang menyeluruh dari kalangan murid dalam kegiatan sukan sepanjang tahun serta memupuk budaya bersukan di kalangan murid sekolah agar menjadi ahli masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat, cergas dan berdaya saing tinggi.

3.0 TARIKH /MASA /TEMPAT

Tarikh : 23 Februari 2019

Tempat : Jalan Pudu Hulu, Taman Pertama, 55300 Kuala Lumpur

Masa : 7.30 pagi hingga 10.45 pagi

4.0 SASARAN

Semua murid Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Pudu.

5.0 OBJEKTIF

- i) Memberi peluang kepada murid untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan yang telah dirancang.
- ii) Melatih murid untuk menguruskan program merentas desa di peringkat sekolah.
- iii) Mengenalpasti murid-murid yang mempunyai bakat dan potensi dalam acara merentas desa.

6.0 KPI (Indikator *Output* dan *Outcome*)

OUTPUT	Kejohanan merentas desa mendapat penglibatan 100% murid serta berjalan lancar.
OUTCOME	Penglibatan dan pencapaian murid-murid dalam aktiviti merentas desa meningkatkan markah kokurikulum murid.

7.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Sumber Kewangan : Peruntukkan Wang Bantuan Sukan Sekolah.

BIL	PERKARA	PERBELANJAAN		
		Kuantiti	Kos seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	<i>Medal</i>	100	4	400
2	Hadiah Tunai Rumah Sukan Terbaik Setiap Tingkatan	5	30	150
3	Hadiah Tunai Rumah Sukan Keseluruhan	1	50	50
4	Bateri Pembesar Suara	6	10	60
5	Makanan Petugas	120	2	240
6	Makanan Murid	500	1	500
7	Sewa Tapak Taman Pudu Ulu (Sewa RM220, Deposit dan Elektrik RM 200)			420
8	Tandas			70
9	Persediaan Alatan Keperluan/ Perubatan			50
10	Air Mineral	10	8	80
	Jumlah			2020

8.0 JAWATANKUASA PROGRAM

Pengerusi Pengelola	: Datin Cheam Swee Har
Naib Pengerusi (1)	: Datin Poovai a/p Karuppanna
Naib Pengerusi (2)	: Pn Noor Aizan bt. Mahmud
Naib Pengerusi (3)	: Puan Zalelah binti Salleh
Naib Pengerusi (4)	: Puan Rohana bt. Md Noh
Penyelaras Kejohanan	: Cik Teoh Mooi Shi
Ahli Jawatankuasa Pelaksana	: Semua guru SMK (P) Pudu

9.0 STRATEGI PELAKSANAAN

- 9.1 Taklimat pelaksanaan kepada guru-guru (29 Januari 2019)
- 9.2 Taklimat kepada murid-murid (14 Februari 2019, 23 Februari 2019)
- 9.3 Persiapan Tempat (22 Februari 2019)
- 9.4 Kejohanan Merentas Desa (23 Februari 2019)
- 9.5 Post Mortem Kejohanan Merentas Desa

9.1 URUS SETIA/ PENCERAMAH

Tidak berkenaan

9.2 JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM

MASA	AKTIVITI
7.30 pagi – 8.00 pagi	-Menanda Kehadiran Murid -Persiapan Tempat
8.00 pagi – 8.30 pagi	-Bacaan Doa -Taklimat ringkas kepada peserta -Senamrobik
8.30 pagi – 9.30 pagi	-Pelepasan peserta mengikut kumpulan (Flag off oleh YDP PIBG) -Pelepasan murid dalam 5 kumpulan: I. Tingkatan 1 dan Peralihan II. Tingkatan 2 III. Tingkatan 3 IV. Tingkatan 4 V. Tingkatan 5 -Kejohanan berlangsung -Peserta menamatkan larian
9.30 pagi – 10.00 pagi	Rehat
10.00 pagi -10.45 pagi	-Majlis Penutupan Kejohanan Merentas Desa I. Ucapan Pengetua II. Ucapan Tetamu Kehormat III. Majlis Penyampaian Hadiah • Individu • Rumah Sukan Terbaik Setiap Tingkatan • Rumah Sukan Keseluruhan -Nyanyian Lagu Negaraku -Sorakan Sekolah
10.45 pagi	Bersurai

10.0 PENGURUSAN RISIKO

Risiko	Punca	Penyelesaian	Tanggungjawab
Cuaca	Hari hujan	1. Menangguhkan sehingga hujan reda. 2. Berkumpul di dataran serbaguna	Pengerusi Pengelola
Kecederaan	Kemalangan	Menyediakan pasukan St John Ambulans untuk rawatan bantu mula.	Guru dan ahli-ahli St John Ambulans.

11.0 KAEDAH PEMANTAUAN

a. Pemantauan Pelaksanaan Program/Aktiviti

Dijalankan secara berterusan mengikut perjalanan aktiviti oleh Penolong Kanan Kokurikulum dan pihak pengurusan sekolah.

b. Pemantauan Pencapaian Outcome

Dijalankan selepas selesai kejohanan oleh Penolong Kanan Kokurikulum dan pihak pengurusan sekolah.

12.0 PENUTUP

Adalah diharapkan Kejohanan Merentas Desa dapat berjalan dengan lancar seperti yang dirancang serta mencapai matlamat dan objektif yang telah disasarkan dengan berkesan.

Disediakan oleh,

.....
(TEOH MOOI SHI)
PENYELARAS KEJOHANAN
Tarikh : 7 Januari 2019

Ulasan :

*Diluluskan / Tidak Diluluskan

.....
(DATIN CHEAM SWEE HAR)
PENGETUA
SMK(P) PUDU
Tarikh :